

04 OCT 2003

Sukan-Bot Laju

SCOTT GILLMAN BERADA DI KEDUDUKAN PALING HADAPAN

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Bekas juara dunia dua kali Scott Gillman daripada pasukan Emirates F1 menamatkan pusingan kelayakan rasmi di tempat pertama di Kejohanan Dunia Bot Laju Formula 1 di The Mines Resort City di sini, hari ini.

Peserta dari Amerika itu mencatatkan pusingan terpantasnya 0:52.46s pada kelajuan purata 137.24 kph, untuk mengetepikan selaku juara dunia Guido Cappellini daripada pasukan Zepter Tamoil yang menamatkan pusingan kelayakan hari ini di tempat ketiga dengan catatan masa pusingan terpantas 0:52.73s.

Di tempat kedua ialah Massimo Roggiero daripada pasukan Baba Seaquest Racing yang mencatatkan masa pusingan terpantas 0:52.56s. Roggiero merupakan pemenang peringkat Malaysia pada tahun lepas.

Sebelum itu dalam pusingan kelayakan pertama, Gillman berada di tempat ketiga dengan masa pusingan 0:54.33s di belakang Duarte Benavente daripada pasukan Atlantic dan Cappellini yang memenangi pusingan kelayakan pertama dengan 0:53.83s.

Penguasaan Gillman dalam pusingan kelayakan terakhir membolehkan beliau mengambil kedudukan di tempat paling depan dalam perlumbaan esok yang dijangka menyaksikan persaingan sengit.

Selepas melalui empat pusingan kejohanan 9 peringkat itu, Gillman berada di kedudukan keseluruhan keempat bersama 27 mata.

"Saya berharap dapat beri cabaran hebat esok, dan jentera saya sudah bersedia dan berjalan lancar," kata Gillman.

"Bot saya berjalan lancar tetapi saya tidak suka dengan keadaan semasa berlumba, air yang tenang dan kelajuan air yang rendah. Ia tidak baik bagi bot saya," kata beliau lagi.

Cappellini yang akan memulakan perlumbaan di barisan ketiga esok mempunyai pandangan lebih kurang sama akan keadaan angin tetapi memberi amaran kepada lawannya bahawa perlumbaan esok pasti berlainan.

"Saya hanya menumpukan pada enjin dan keadaan bot saya hari ini dan sehingga ini ia berjalan lancar. Saya perlu memastikan penalaannya baik untuk elakkan masalah," kata Cappellini yang merupakan mendahului bersama Francesco Cantando dalam kedudukan keseluruhan dengan masing-masing mempunyai 55 mata.

Cantando yang berlumba bagi pasukan Singha Racing berada di tangga keempat hari ini dengan masa pusingan terpantas 0:53.28s.

Peserta Malaysia, Simon Saw daripada pasukan Viemero Spirit of Malaysia masih mempunyai sesuatu untuk berbangga. Beliau menamatkan pusingan kelayakan terakhir di tangga ke 14 dengan masa pusingan terpantas 0:55.80s sementara rakan sepasukan Semi Selio akan memulakan perlumbaan esok di barisan ke 10 selepas menamatkan perlumbaan di tempat ke 10 dalam pusingan kelayakan akhir. Selio mencatatkan masa pusingan terpantas 0:54.55s.

Esok merupakan hari penentuan bagi pemandu-pemandu dan kesemua 24 bot dengan mereka akan melakukan sedaya yang boleh untuk menaiki podium.

Berdasarkan kepada prestasi semasa, pemandu-pemandu yang perlu diperhatikan ialah Cantando, Cappellini, Gillman dan juga juara peringkat Malaysia 2000 Laith Pharaon daripada Green Team Saudi Arabia.

Para pelumba akan dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga akan menyampaikan hadiah-hadiah bagi tiga pemenang pertama.

GP Malaysia itu merupakan perlumbaan pertama tahun ini dalam kejohanan

dunia untuk menggunakan "permulaan elektronik" yang boleh mengesan mereka gopoh di garisan permulaan, yang hukumannya ialah penalti satu pusingan.

-- BERNAMA

AHA PR